

**NFC: PAS gesa Shahrizat digantung tugas hingga siasatan selesai**  
**The Malaysian Insider**  
**15 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Nov — Pemuda PAS menggesa Datuk Seri Najib Razak menggantung tugas Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berikutan isu pembelian kondominium menggunakan dana Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC), projek yang dikaitkan dengan keluarganya.

Sehubungan itu, Ketua Penerangan Pemuda PAS Riduan Mohd Nor juga mahu polis mengambil tindakan segera menyiasat perkara tersebut.

“Kes ini amat berat dan penting kerana ia melibatkan integriti kerajaan serta pemimpin negara dan sudah menjadi perbualan umum dengan pendedahan demi pendedahan dibuat oleh pemimpin Pakatan Rakyat, dan akan memberi kesan negatif pada pandangan masyarakat lebih-lebih lagi melibatkan pemimpin negara.

“Rakyat akan berasa malu jika imej negara menjadi buruk di peringkat antarabangsa kerana pemimpinnya sarat dengan skandal dan penyelewengan kuasa,” tegasnya.

Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat Zuraida Kamaruddin minggu lalu membuat desakan yang sama ke atas Shahrizat agar meninggalkan politik dan meletak jawatan jika benar-benar mengambil berat tentang Pergerakan Wanita Umno ekoran pendedahan masalah berkaitan projek NFC tersebut.

Jelas Zuraida, hanya tindakan meletak jawatan boleh menyelamatkan imej ahli-ahli Wanita Umno yang turut berhadapan dengan skandal tersebut, yang didedahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara 2010.

Terdahulu Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi mempertahankan Shahrizat sambil berkata beliau tidak wajar meletakkan jawatan kerana tiada kaitan langsung dengan projek kontroversi itu.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nfc-pas-gesa-shahrizat-digantung-tugas-hingga-siasatan-selesai/>